

24/01/2004

PM gembira rakyat kongsi raya

Mutazar Abd Ghani; Misiah Taib; Noorwati Salleh; Veena Rusli; Maznah
GEORGETOWN: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi gembira melihat rakyat pelbagai kaum di negara ini bersatu dan bermuafakat ke arah merealisasikan Wawasan 2020 yang diilhamkan Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, sambutan rumah terbuka Tahun Baru Cina anjuran bersama Parti Gerakan-MCA di Pulau Pinang, semalam, adalah bukti semangat setia kawan rakyat demi mencapai hasrat membawa kejayaan yang lebih gemilang kepada negara.

Katanya, penganjuran majlis rumah terbuka bersama yang julung kali diadakan Gerakan dan MCA turut membuka lembaran baru yang akan memberi kekuatan kepada Barisan Nasional (BN) di Pulau Pinang.

"Saya senang hati kerana MCA dan Gerakan bersetuju mengadakan majlis sambutan Tahun Baru Cina bersama. Ini akan membawa kebaikan, manfaat dan ketenangan kepada rakyat Pulau Pinang.

"Senang hati sebab apa yang saya hendak lihat ialah apabila tiba masanya diadakan sambutan Tahun Baru Cina, Gerakan dan MCA adakan majlis yang sama. Dulu saya kena lari (ke rumah terbuka) Gerakan, lepas tu MCA. Kadang kala, saya tak pasti mana nak pi dulu.

"Jadi, sebenarnya kalau kita fikir betul-betul, bukan hanya untuk kesenangan saya walaupun dari segi logistik sudah tentu ia membantu. Yang penting apa yang diusahakan hari ini adalah hadiah Tahun Baru Cina kepada rakyat Pulau Pinang," katanya berucap pada majlis sambutan Tahun Baru Cina anjuran Gerakan-MCA di Arena Sukan Antarabangsa Pulau Pinang (Pisa) di Relau, dekat sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Menteri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Gerakan negeri, Tan Sri Koh Tsu Koon; Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting; bekas Ketua Menteri Pulau Pinang, Tun Dr Lim Chong Eu dan Timbalan Ketua Menteri, Datuk Dr Hilmi Yahaya.

Abdullah yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) berharap usaha itu akan berterusan dan diperluaskan pada masa depan kerana dapat meningkatkan perpaduan, muhibah dan permuafakatan rakyat.

DI KUALA LUMPUR, Perdana Menteri kelmarin berkata, kerjasama dan perpaduan serta kesungguhan yang ditunjukkan MCA dan Gerakan sebagai anggota komponen BN menjadikan sambutan Tahun Baru Cina kali ini sebagai lebih bermakna.

Sambil menyatakan rasa gembiranya dengan keadaan itu, Abdullah berkata, rakyat Malaysia juga lebih bersemangat menyambut Tahun Baru Cina kali ini.

"Saya lihat semuanya bersemangat, mungkin sebab orang kata tahun ini baik untuk ekonomi negara dan akan membawa banyak kebaikan, kestabilan dan kemakmuran," katanya selepas menghadiri majlis rumah terbuka Gerakan di Menara PGRM sempena sambutan Tahun Baru Cina di ibu negara, kelmarin.

Terdahulu, Abdullah turut menghadiri majlis rumah terbuka anjuran MCA di Wisma MCA.

Hadir sama Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor. Turut hadir Presiden MCA yang juga Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting; Menteri Perusahaan Utama yang juga Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik; Menteri Kerja Raya yang juga Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu; Menteri Penerangan merangkap Setiausaha Agung BN, Tan Sri Khalil Yaakob serta beberapa menteri Kabinet.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, turut meluangkan masa menghadiri majlis anjuran kedua-dua

parti komponen BN itu.

Najib turut berharap sambutan Tahun Baru Cina kali ini membawa kemakmuran kepada rakyat negara ini.

"Alhamdulillah, keadaan dalam negara amat memberangsangkan. Harga komoditi tinggi dan menggalakkan manakala saham juga semakin naik. Malah, rakyat optimis mengenai masa depan mereka," katanya.

Di IPOH, Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali dan isteri, Datin Seri Kamariah Mokri, kelmarin menyertai lebih 1,000 orang ke majlis rumah terbuka Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam negeri merangkap Pengerusi MCA Perak, Datuk Ong Ka Chuan.

Tajol Rosli kemudian menghadiri rumah terbuka Pengerusi Jawatankuasa Perbandaran dan Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Chang Ko Youn dan Pengerusi Parti Progresif Rakyat (PPP) Perak, Lee Heng.

Di ALOR STAR, lebih 2,000 rakyat pelbagai kaum menghadiri rumah terbuka anjuran MCA Kedah kelmarin. Selain menjamu selera, mereka juga dihiburkan dengan persembahan tarian singa.

Antara pimpinan MCA yang hadir ialah Pengerusi MCA Kedah, Datuk Beh Heng Seong; Timbalan Pengerusi MCA Kedah, Datuk Chor Chee Heung; Naib Pengerusi MCA Kedah, Datuk Chong Itt Chew dan Timbalan Ketua Wanita MCA Kedah, Lim Bee Kau.

Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain; Exco Pertanian, Perumahan dan Kerajaan, Datuk Ahmad Bashah Md Hanipah dan Ketua Pemuda Umno Kedah, Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir antara kenamaan yang hadir.

Di KUANTAN, orang ramai bertali arus membanjiri majlis rumah terbuka anjuran Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Alam Sekitar dan Pembangunan Perbandaran, Datuk Kan Tong Leong, di Rumah Rehat Annexe, Jalan Teluk Sisek, kelmarin.

Di JERTIH, kira-kira 1,000 jemputan mewakili penduduk pelbagai kaum di sekitar daerah Besut menghadiri rumah terbuka Tahun Baru Cina di Sekolah Rendah Chng Hwa, kelmarin.

Majlis anjuran MCA bahagian Besut itu turut dihadiri Pengerusi Barisan Nasional (BN) Terengganu, Datuk Idris Jusoh dan pemimpin parti komponen BN bahagian berkenaan, termasuk Pengerusi MCA bahagian Besut, Chan Jim Bui.

Di KOTA KINABALU, tiga parti komponen Barisan Nasional (BN) Sabah iaitu Parti Maju Sabah (SAPP), Parti Bersatu Sabah (PBS) dan MCA mengadakan majlis rumah terbuka di tiga tempat berasingan, semalam.

SAPP mengadakan rumah terbuka di Kompleks Sukan Kota Kinabalu dihadiri kira-kira 5,000 tetamu termasuk Yang di-Pertua negeri, Tun Ahmad Shah dan isteri, Toh Puan Dayang Masuyah Awang Japar serta Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman dan isteri, Datin Faridah Tussin.

PBS pula mengadakan majlis serupa di Hotel Airport View dan dihadiri kira-kira 4,000 tetamu. Hadir sama Presiden PBS, Datuk Joseph Pairin Kitingan, timbalannya, Dr Yee Moh Chai serta ahli majlis tertinggi parti.

MCA mengadakan majlis itu di Sekolah Menengah Kian Kok dan dihadiri kira-kira 5,000 tetamu. Hadir mengetuai sambutan adalah Timbalan Presiden MCA, Datuk Chan Kong Choy serta Pengerusi MCA Sabah, Datuk Edward Khoo.

Kelmarin, kira-kira 5,000 orang membanjiri Rumah BN di Kudat bagi menghadiri majlis terbuka anjuran Presiden Parti Liberal Demokratik (LDP), Datuk Chong Kah Kiat. Majlis itu turut dihadiri oleh Musa yang juga Pengerusi BN Sabah.